

NO. SOALAN: 112

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH

TARIKH :

RUJUKAN : 10097

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang dilarang keluar dari Malaysia terkini mengikut pecahan alasan-alasan seperti penangguhan hutang PTPTN, muflis, jenayah dan lain-lain.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Keselamatan Jabatan Imigresen Malaysia telah mencatatkan data aktif bilangan individu yang disenarai hitam seramai 622,403 orang sejak tahun 2010 hingga 01 Julai 2017.

Jumlah pecahan individu yang disenarai hitam bagi kes PTPTN adalah seramai 381,596 orang diikuti kes Jabatan Insolvensi seramai 133,699 orang dan kes Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) seramai 99,922 orang.

Manakala bagi kes warganegara yang terlibat dalam kes dadah, kes jenayah, *counter terrorism* dan lain-lain di bawah PDRM adalah seramai 7,186 orang.

SULIT